

HELAIAN MAKLUMAN PRODUK (UMUM)



Sila baca Helaiian Makluman Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Amanah Saham Bumiputera-i (ASB-i)/Amanah Saham Bumiputera 2-i (ASB 2-i). Pastikan anda juga membaca terma am dan syarat. Sila dapatkan penerangan sekiranya anda inginkan penjelasan ke atas maklumat yang terdapat di dalam dokumen ini atau mengenai sebarang terma.

Ref : RF/ASB-i/0517/BM1
PEMBIAYAAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA-i (ASB-i)/AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2-i (ASB 2-i)
 Tarikh : _____

1 Apakah produk ini?

Ia adalah suatu kemudahan pembiayaan berjangka berlandaskan Syariah untuk melabur di dalam unit-unit Amanah Saham Bumiputera (ASB)/ Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2).


2 Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Komoditi Murabahah atau Tawarruq merujuk kepada satu transaksi yang melibatkan penjualan (dengan dinyatakan kos dan keuntungan) komoditi kepada pembeli secara pembayaran bertangguh dan seterusnya penjualan komoditi kepada pihak ketiga untuk mendapatkan wang tunai. Untuk transaksi Komoditi Murabahah di bawah kemudahan pembiayaan ini, pada setiap masa Bank menjadi ejen tidak eksklusif bagi pihak anda, dalam melaksanakan transaksi Komoditi Murabahah.

3 Apakah Kadar Asas Islamik (KAI)?

Kadar Asas Islamik (KAI) adalah kadar harga pembiayaan runcit yang berkuatkuasa 2 Januari 2015 menggantikan Kadar Pembiayaan Asas (KPA) selaras dengan Rangka Kerja Kadar Rujukan baru yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia. Di bawah rangka kerja baru ini, bank-bank akan hanya menggunakan kos pembiayaan sebagai penanda aras untuk menentukan kadar asas mereka. KAI Maybank Islamic dikira berdasarkan kos purata dana Maybank Islamic. KAI akan diselaraskan apabila terdapat perubahan pada dasar monetari contohnya perubahan Kadar Dasar Semalaman (KDS) serta sebarang perubahan dalam keadaan pendanaan contohnya perubahan pada Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR).

4 Sejarah penanda aras Kos Dana (COF) untuk 2 tahun yang lalu



5 Apakah yang dapat saya perolehi dari produk ini?

No	Perkara	Penerangan								
i	Jumlah Pembiayaan	Minimum : RM10,000.00 Maksimum: Sehingga RM200,000.00 bagi setiap pelanggan pada satu masa (termasuk baki Pembiayaan ASB/ ASB 2 sedia ada, jika ada) atau sehingga jumlah pelaburan maksimum yang dibenarkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), yang mana lebih rendah. Jumlah amaun pembiayaan yang diluluskan adalah tertakluk kepada penilaian kredit oleh pihak Bank.								
ii	Kadar Harga Jualan (KHJ)	Pengiraan KHJ pada masa kelulusan pembiayaan ialah Kadar Asas Islamik (KAI) + 7.65% atau minimum 10.0% setahun, yang mana lebih tinggi. KHJ juga dikira sebagai harga siling.								
iii	Kadar Keuntungan Efektif	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Jumlah Pembiayaan</th> <th>Kadar Keuntungan Efektif</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Di Bawah RM30,000.00</td> <td>KAI* + 2.50% (3 tahun pertama)</td> </tr> <tr> <td>RM30,000.00 dan ke atas</td> <td>KAI* + 2.55% (tahun berikutnya)</td> </tr> <tr> <td>RM30,000.00 dan ke atas</td> <td>KAI* + 2.20% (sepanjang tempoh pembiayaan)</td> </tr> </tbody> </table> <p>*Kadar Asas Islamik (KAI) semasa adalah 3.00% berkuatkuasa 15/07/2016</p>	Jumlah Pembiayaan	Kadar Keuntungan Efektif	Di Bawah RM30,000.00	KAI* + 2.50% (3 tahun pertama)	RM30,000.00 dan ke atas	KAI* + 2.55% (tahun berikutnya)	RM30,000.00 dan ke atas	KAI* + 2.20% (sepanjang tempoh pembiayaan)
Jumlah Pembiayaan	Kadar Keuntungan Efektif									
Di Bawah RM30,000.00	KAI* + 2.50% (3 tahun pertama)									
RM30,000.00 dan ke atas	KAI* + 2.55% (tahun berikutnya)									
RM30,000.00 dan ke atas	KAI* + 2.20% (sepanjang tempoh pembiayaan)									
iv	Margin Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> 100% atas nilai nominal unit ASB / ASB 2 105% (jika termasuk Takaful Peribadi Pengurangan Berjangka (PRTT) dan/atau wasiat fi (jika ada) termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan) 								
v	Tempoh Pembiayaan	Sehingga 30 tahun atau menjangkau umur 65 tahun, yang mana lebih awal.								

6 Apakah tanggungjawab saya?

Anda hendaklah memastikan bayaran ansuran bulanan dibayar pada 1hb setiap bulan. Bayaran ansuran bulanan adalah sebanyak RM 1199.00. Jumlah keseluruhan bayaran selama 25 tahun ialah sebanyak RM359,700.00. **Penting:** Perubahan di dalam KAI mungkin mengakibatkan penambahan ke atas bayaran ansuran bulanan atau tempoh pembayaran dipanjangkan. Walaubagaimanapun, ianya tidak akan melebihi Kadar Harga Jualan sebagaimana yang diluluskan oleh pihak Bank.

Kadar	Kadar Semasa 5.20%	Jika kadar keuntungan naik 1% 6.20%	Jika kadar keuntungan naik 2% 7.20%
*Ansuran bulanan (Purata)	RM1,199.00	RM1,320.00	RM1,447.00
*Jumlah kos keuntungan pada akhir 25 tahun	RM158,699.00	RM194,999.00	RM233,099.00
*Jumlah pembayaran pada akhir 25 tahun	RM359,700.00	RM396,000.00	RM434,100.00

Nota: Pengiraan di atas adalah berdasarkan andaian berikut. Ianya tertakluk kepada perubahan keatas terma dan syarat.

- i) Amaun Pembiayaan : RM201,001.00 (termasuk PRTT dan Yuran Wasiat)
- (termasuk PRTT) : RM1,000.00 200,000
- (termasuk Yuran Wasiat) : RM1.00 1,000
- (termasuk PRTT dan Yuran Wasiat) : RM201,001.00 1
- ii) Kadar Keuntungan : 5.20%
- iii) Tempoh Pembiayaan (Tahun) : 25

* Jumlah ansuran bulanan dan jumlah bayaran mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan KAI. Jika KAI berubah, Kadar Keuntungan Efektif akan berubah tetapi tidak melebihi Kadar Harga Jualan, seperti yang diluluskan oleh pihak Bank.

7 Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

No.	Perkara	Yuran/Caj
i.	Duti Setem	RM10.00 - Surat Tawaran
ii.	Yuran Sijil ASNB	RM53.00 setiap Sijil (Termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan)

Nota : Yuran/caj akan dibayar kepada pihak ASNB dan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Yuran Sijil ASNB adalah tertakluk kepada Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("CBP") pada kadar semasa yang ditetapkan.

8 Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Caj Pembayaran Lewat	<p>Pihak Bank mempunyai hak untuk menuntut pampasan ke atas sebarang bayaran lewat dan bayaran tertunggak, berlandaskan mekanisma seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Bayaran Tertunggak Sekiranya anda gagal membayar sebarang amaun tertunggak dari tarikh bermulanya kemudahan di keluarkan sehingga tarikh matang, caj pembayaran lewat sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas amaun yang tertunggak. Apabila Matang Kadar Pasaran Kewangan Interbank Islam (IIMM) akan dikenakan sekiranya kegagalan membayar jumlah baki keseluruhan pembiayaan selepas tempoh matang atau sehingga penghakiman, yang mana terdahulu. Walaubagaimanapun, Caj pembayaran lewat yang dikenakan tidak akan dikompaun kepada baki Jumlah Kemudahan.
Hak Penjualan	Pihak Bank berhak menjual Sijil ASB / ASB 2 yang dicagarkan kepada pihak Bank jika berlaku Kejadian Mungkir (antara lain tunggakan bayaran ansuran untuk 2 bulan atau lebih) dan tindakan undang - undang boleh diambil terhadap anda jika masih terdapat sebarang kekurangan bayaran selepas penjualan sijil ASB / ASB 2.
Hak Penyelesaian	Pihak Bank mempunyai hak untuk mendebit sebarang baki kredit dalam akaun anda dengan pihak Bank terhadap apa-apa baki tertunggak dalam akaun pembiayaan ini.
Tindakan Undang Undang	<ol style="list-style-type: none"> Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda dalam keadaan berikut: <ol style="list-style-type: none"> Akumulasi jumlah kekurangan defisit bayaran bulanan (jika ada). Kegagalan memberi respond kepada notis peringatan. Tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap anda akan menjejaskan penilaian kredit yang akan menyukarkan atau membebaskan anda pada masa hadapan. Anda akan dimaklumkan terlebih dahulu untuk apa-apa tindakan undang undang yang bakal diambil oleh Pihak Bank.

9 Bagaimana sekiranya saya membuat penyelesaian sepenuhnya ke atas pembiayaan ini sebelum tarikh tamat tempoh?

- Pihak Bank akan memberi rebat (Ibra') kepada pelanggan, tetapi tidak terhad kepada situasi-situasi berikut:
 - Pelanggan membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk dari bayaran pendahuluan;
 - Sekiranya Kadar Keuntungan Efektif lebih rendah dari Kadar Keuntungan Siling / Kadar Harga Jualan; dan
 - Sekiranya jumlah dikeluarkan sebenar adalah rendah dari Jumlah Kemudahan.
- Bagi mengelak keraguan, adalah diperakui dan dipersetujui bahawa rebat-rebat berkenaan tidak boleh dianggap sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada pelanggan, tetapi diterjemahkan sebagai tolakan dari elemen keuntungan bayaran ansuran kemudahan tersebut. Rebate berkenaan hanya akan diberikan selepas penerimaan jumlah penyelesaian/penebusan sebagaimana ditentukan oleh pihak Bank.

Baki Harga Jualan Bank	Tolak	Baki Jumlah Kemudahan	Tolak	Amaun Lain Yang Perlu Dibayar Kepada Bank
------------------------	-------	-----------------------	-------	---

Nota: Untuk ilustrasi selanjutnya tentang rebat, sila rujuk www.maybank2u.com.my

10 Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Unit pelaburan ASB/ASB 2 melalui pembiayaan ini akan digunakan sebagai cagaran.

Penjamin adalah tidak diwajibkan, dan ia akan berdasarkan kepada keupayaan pembayaran dan lain-lain pertimbangan kredit:-

- Satu (1) penjamin sahaja. Ia mestilah ahli keluarga terdekat iaitu suami atau isteri, ibu bapa atau anak yang boleh membuat bayaran balik pembiayaan.
- Berumur 18 tahun dan ke atas atau tidak melebihi umur 65 tahun pada akhir tempoh pembiayaan.
- Penjamin mestilah mempunyai rekod pembayaran balik pembiayaan yang memuaskan di institusi kewangan.
- Tidak muflis.
- Nisbah khidmat hutang sehingga 80%.

11 Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Pertindungan Takaful adalah wajib.

12 Berapakah jumlah sijil yang saya boleh beli pada setiap permohonan pembiayaan ASB/ASB 2?

Jumlah belian sijil yang dibenarkan adalah mengikut jumlah unit seperti berikut :

JUMLAH UNIT < 50,000.00	JUMLAH SIJIL YANG DIBENARKAN	2 SIJIL
JUMLAH SIJIL	NILAI SIJIL	
#REF!	Sijil Pertama	: RM
	Sijil Kedua	: RM
JUMLAH NILAI SIJIL	RM0.00	
JUMLAH UNIT 50,000 - 100,000	JUMLAH SIJIL YANG DIBENARKAN	3 SIJIL
JUMLAH SIJIL	NILAI SIJIL	
#REF!	Sijil Pertama	: RM
	Sijil Kedua	: RM
	Sijil Ketiga	: RM
JUMLAH NILAI SIJIL	RM0.00	
JUMLAH UNIT > 100,000	JUMLAH SIJIL YANG DIBENARKAN	4 SIJIL
JUMLAH SIJIL	NILAI SIJIL	
#REF!	Sijil Pertama	: RM 200,000.00
	Sijil Kedua	: RM
	Sijil Ketiga	: RM
	Sijil Keempat	: RM
JUMLAH NILAI SIJIL	RM200,000.00	

Nota : Yuran sijil adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh ASNB

13 Apakah faedah yang saya perolehi jika saya membuat pembelian lebih dari 1 sijil?
Ia adalah bertujuan untuk memudahkan anda menebus sijil yang telah dibayar untuk kegunaan peribadi, tertakluk kepada terma dan syarat.

14 Bolehkah saya membuat permohonan bersama untuk pembiayaan ASB/ASB 2?

Ya, anda boleh memohon Pembiayaan ASB/ASB 2 bersama tertakluk pada syarat and terma yang telah ditetapkan.

Kelayakan untuk pemohon bersama adalah seperti berikut;

- Pemohon bersama mestilah warganegara Malaysia dan daripada ahli keluarga terdekat iaitu suami atau isteri, ibu bapa atau anak.
- Berumur 18 tahun dan ke atas atau tidak melebihi umur 65 tahun pada akhir tempoh pembiayaan.
- Pemohon bersama mestilah mempunyai rekod pembayaran balik pembiayaan yang memuaskan di institusi kewangan.
- Tidak muflis.

15 Bagaimana jika saya ingin mengeluarkan jumlah yang telah saya bayar dari akaun pembiayaan sedia ada?

Anda boleh mengeluarkan jumlah yang telah dibayar melalui pakej penebusan separa, tertakluk kepada terma dan syarat.

16 Bolehkah saya memilih untuk penyerahan secara fizikal komoditi tersebut? Apakah kos yang terlibat?

Anda boleh memilih untuk penyerahan secara fizikal komoditi tertakluk kepada terma dan syarat oleh pihak Bank. Semua kos berkaitan dengan arahan anda untuk penyerahan secara fizikal komoditi tersebut perlu ditanggung oleh anda.

17 Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi mana-mana cawangan Maybank atau Maybank Islamic yang berdekatan.

18 Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan maklumat lanjut?

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran ansuran bulanan, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan alternatif bayaran balik. Anda boleh menghubungi kami di:

Cawangan : _____

Alamat : _____

Tel / Faks: _____ Emel : _____

Atau anda boleh mengunjungi cawangan Maybank yang terdekat.

- Sebagai pilihan, anda juga boleh mendapatkan nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Untuk membuat pertanyaan, sila hubungi :

Tingkat 8, Maju Junction Mall

1001, Jalan Sultan Ismail

50250 Kuala Lumpur

Tel : 1-800-88-2575

Email : enquiry@akpk.org.my

- Jika anda ingin membuat sebarang aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di :

Maybank

Khidmat Pengurusan Maklumbalas Pelanggan

Tingkat 28, Menara Maybank

100, Jalan Tun Perak

50050 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel No : 03-20748075

Email: cfm@maybank.com

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di :

Blok D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Tel : 1-300-88-5465

Fax: 03-2174 1515

Email : bnmtelink@bnm.gov.my

19 Pakej pembiayaan peribadi lain yang disediakan?

- Pembiayaan Peribadi-i kepada pekerja-pekerja Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Syarikat-Syarikat Besar
- Pembiayaan Peribadi-i
- Pembiayaan Amanah Hartanah Bumiputera-i

NOTA PENTING: PIHAK BANK BERHAK UNTUK MENJUAL BALIK SIJIL ASB / ASB 2 TUAN/PUAN YANG DICAGARKAN KEPADA PIHAK BANK SEKIRANYA PIHAK BANK MENDAPATI AKAUN PEMBIAYAAN TUAN/PUAN TIDAK DIKEMASKINI ATAU TERDAPAT TUNGGAKAN SEBANYAK 2 BULAN ATAU LEBIH DAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP TUAN/PUAN UNTUK KEKURANGAN BAYARAN (JIKA ADA).

Maklumat yang disediakan di dalam helaian ini sah dari Mei 2017.

Pengakuan Pelanggan

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami isi kandungan Helaian Makluman Produk.

Pelanggan 1 :

Tandatangan : _____

Nama : _____

No Kad Pengenakan : _____

Pelanggan 2 :

Tandatangan : _____

Nama : _____

No Kad Pengenakan : _____